

RIMBA MURAI KELADI
Chestnut-tailed Minla

FAMILI: Timaliidae
NAMA SAINTIFIK: *Minla strigula*

CIRI-CIRI:

Individu dewasa bagi sub-spesies *M.s.castanicauda* mempunyai bahagian mahkota yang berwarna kemerahan, manakala bahagian sisi kepala berwarna kekelabuan serta bahagian kening yang berwarna hitam (ke bahagian atas mata). Individu ini mempunyai jalur yang mengunjur ke bahagian bawah sisi kepala yang panjang serta bahagian rengkong yang berwarna putih dan terdapat jalur-jalur berwarna hitam. Bahagian atas badan individu ini berwarna hijau kekelabuan manakala bahagian ekor berwarna kuning langsung kemerahan bercampur coklat dan warna hitam di mana pada bahagian hujung ekor terdapat warna putih. Ia juga mempunyai bahagian bawah badan yang berwarna kekuningan, bahagian primer sayap yang berwarna hitam dan juga bulu terdang yang berwarna kuning keperangan serta terdapat jalur sempadan yang lebar berwarna putih pada bahagian tertier sayap. Bagi sub-spesies *malayana* (Semenanjung Malaysia), ia mempunyai bahagian mahkota kepala yang lebih pudar manakala bahagian sisi telinga berwarna kelabu pudar. Individu ini mempunyai bahagian belakang tengkuk ke bahagian atas pangkal ekor yang berwarna kekelabuan serta bahagian rengkong yang berjalur gelap yang lebar. Ia juga mempunyai bahagian dada serta bahagian sisi badan yang berwarna hijau kekelabuan yang bersih dan pudar manakala bahagian bawah pangkal ekor berwarna hijau kekuningan yang pudar serta terdapat sedikit warna putih pada bahagian sekunder sayap. Individu juvenil bagi spesies mempunyai bahagian belakang mahkota kepala, belakang tengkuk dan bahagian atas badan yang berwarna kelabu, bahagian sisi kepala yang pudar manakala terdapat sedikit jalur-jalur yang terputus pada bahagian rengkong. Individu ini mempunyai bahagian bawah badan yang bersih. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 16-18.5 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri buah-buahan yang bersaiz kecil, biji-bijian dan nektar.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, pada ketinggian di antara 1,600 m hingga 3,000 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang berulang-ulang dengan nada yang tinggi *tui-tui ti-tu*, *twi ti-u* atau bunyi *twi-twi twi twi* di mana nota yang ketiga adalah lebih tinggi.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mac hingga Julai di mana sarang dibina berbentuk seperti cawan di kawasan belukar atau pokok, pada ketinggian di antara 1.5-3 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2-4 biji berwarna pudar ke warna biru atau warna hijau kebiruan serta terdapat bintik-bintik cerah berwarna hitam, merah pudar atau coklat (selalunya di kawasan hujung telur). Telur ini berukuran kira-kira 20.4 X 15.3 mm.

STATUS

Akta76/72, dipelihara sepenuhnya.